

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IX)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

16. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan kadar penceraian bagi tahun 2019 di Pulau Pinang mengikut pecahan kaum.
- (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri mengurangkan masalah penceraian?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. Statistik pendaftaran penceraian/ pembatalan perkahwinan bukan Islam di Pulau Pinang mengikut kaum yang direkodkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tahun 2019 adalah seperti jadual berikut :-

KAUM	LELAKI	PEREMPUAN
CINA	885	787
INDIA	180	181
ETNIK SABAH	3	1
ETNIK SARAWAK	1	3
LAIN-LAIN	78	175
JUMLAH	1,147	1,147

Bagi pasangan orang Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) merekodkan seramai 1,322 pasangan yang bercerai pada tahun 2019.

- (a) Kerajaan negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) selaku badan yang bertanggungjawab di dalam hal ehwal masyarakat Islam sentiasa prihatin dan memandang berat berkaitan kadar

perceraian seterusnya bertindak melalui program/aktiviti yang dilaksanakan. Di antaranya ialah :

- (i) Kursus dan taklimat kepada pasangan bakal pengantin melalui pelaksanaan Kursus PraPerkahwinan Islam (MBKPI);
- (ii) Program Pemerkasaan Institusi Kekeluargaan peringkat Negeri Pulau Pinang;
- (iii) Perkhidmatan khidmat nasihat kepada pasangan suami isteri bukan sahaja melalui medium perbincangan bersama tetapi media sosial;
- (iv) Mengadakan program bersasar kepada golongan tertentu mengikut tempoh perkahwinan melalui modul Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Modul itu dibahagikan kepada empat fasa perkahwinan iaitu Fasa Bulan Madu melibatkan usia perkahwinan kurang lima tahun, Fasa Sehati Sejiwa (6 hingga 10 tahun), Fasa Semarak Kasih (11 hingga 20 tahun) dan Fasa Syurga Cinta (21 tahun ke atas);
- (v) Mengadakan program mediasi atau konsultasi kepada Pegawai Khidmat Nasihat;
- (vi) Menyediakan perkhidmatan nasihat di beberapa buah masjid untuk memudahkan pasangan suami isteri merujuk masalah;
- (vii) Memberikan penjelasan tentang situasi perceraian, kesan perceraian, isu kekeluargaan, petua rumah tangga bahagia dan sebagainya melalui khutbah Jumaat yang disampaikan; dan
- (viii) Mengadakan perbincangan dan mesyuarat dengan pelbagai agensi dan jabatan berkaitan.

Manakala bagi pasangan bukan Islam, kerajaan negeri melalui agensi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Penang Women's Development Corporation (PWDC) telah mengambil langkah-langkah berikut :-

- (i) Mengadakan seminar keibubapaan;
- (ii) Memberi kaunseling kepada pasangan yang menghadapi masalah;
- (iii) Mengedarkan risalah sebagai bahan bacaan tambahan kepada mereka yang menghadiri sesi kaunseling;
- (iv) Mengadakan perkhidmatan khidmat nasihat kepada pasangan suami isteri bukan sahaja melalui medium perbincangan bersama tetapi media sosial;
- (v) Mengadakan program tribunal perkahwinan; dan
- (vi) Memberi penekanan terhadap pemahaman peranan gender memandangkan kajian menunjukkan banyak kes perceraian berpunca dari rasa kurang puas hati tentang peranan gender dan ketidaksamaan gender dalam rumah tangga yang kemudiannya menjurus kepada kekerasan atau keganasan terhadap wanita.